



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

SETIAP IPT AWAM DAN SWASTA RANGKA SENDIRI GARIS PANDUAN AKTIVITI HIBURAN (KONSERT)

Berhubung dengan Garis Panduan Aktiviti Hiburan (Konsert) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang sebelum ini tular di media sosial, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) ingin menegaskan bahawa **ia adalah masih di peringkat saranan sebagai rujukan IPT dalam membangunkan garis panduan masing-masing.**

Selaras pengumuman Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin supaya garis panduan menjalankan aktiviti hiburan (konsert) di IPT **perlu dirangka dan disediakan oleh IPT melalui penglibatan Majlis Perwakilan Pelajar/ Kesatuan Mahasiswa (MPP/KM), JPT sehubungan dengan ini mengarahkan Pengurusan IPT untuk memastikan MPP/KM dilibatkan dalam proses perangkaan garis panduan agar ianya mengambil kira suara dan keperluan mahasiswa serta kesesuaian di setiap IPT dan lokaliti sebelum ia diguna pakai secara rasmi di peringkat IPT masing-masing.**

Ruang dan peluang yang diberikan kepada pelajar ini sebagai elemen pemerksaan mahasiswa selaku pemegang taruh utama. Hal ini sekali gus menepati langkah agenda pemerksaan mahasiswa yang sedang dibawa oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi.

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

5 SEPTEMBER 2023